

22 NOV 2000

DR MAHATHIR RAIKAN PRESIDEN BOTSWANA DI SERI PERDANA

PUTRAJAYA, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meraikan Presiden Botswana Festus G. Mogae pada majlis jamuan di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana di sini, malam ini.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima kunjungan hormat daripada Mogae sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan perbincangan empat mata selama kira-kira sejam.

Mogae, yang merupakan antara peserta Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000), tiba di Kuala Lumpur hari ini bagi lawatan kerja empat hari ke Malaysia.

Beliau diiringi isterinya Barbara, Menteri Perdagangan dan Industri Tebelelo Seretse, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta tokoh korporat Botswana.

Esok, Mogae dijadual merasmikan seminar pelaburan Botswana anjuran Agensi Pembangunan Eksport dan Pelaburan Agency Botswana sebelum melawat kilang kereta nasional, Proton di Shah Alam pada Jumaat.

-- BERNAMA
NHA MAM FAZ